



Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Melaka) yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun hingga 40 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi jawatan berikut:-

PEGAWAI TADBIR (PROMOSI DAN KORPORAT) GRED N9

1. **Kumpulan Perkhidmatan :** Pengurusan dan Profesional
2. **Taraf Jawatan :** Kontrak
3. **Jumlah Kekosongan :** 1
4. **Jadual Gaji**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM2,250.00	RM11,110.00	RM225.00

5. **Imbuhan Tetap /Bantuan:**

- a) Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : RM300.00
- b) Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : RM 300.00
- c) Bantuan Sara Hidup (BSH) : RM 250.00

6. **Syarat Lantikan**

- i) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
 - a) Warganegara Malaysia;
 - b) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat

Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- ii) Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,250.00); atau
- iii) Ijazah Sarjana Muda dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N9: RM2,470.00).

7. Syarat Peningkatan Secara Lantikan:

- i) Pegawai sedang berkhidmat dalam skim perkhidmatan Penolong Pegawai Tadbir, Penghulu, Pembantu Setiausaha Pejabat/Setiausaha Pejabat Gred N5, N6, N7 atau N8 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Tadbir Gred N9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
 - a) mempunyai kelayakan di perenggan 6;

8. Deskripsi Tugas:

- i) Bertanggungjawab merancang dan melaksanakan proses perolehan kerajaan atau organisasi termasuk pembelian bekalan, perkhidmatan dan kerja mengikut tatacara serta peraturan kewangan yang ditetapkan.
- ii) Mengurus proses sebutharga, tender dan kontrak termasuk penyediaan dokumen, penilaian tawaran serta memastikan semua perolehan dibuat secara telus, berintegriti dan mematuhi prosedur.
- iii) Memantau pelaksanaan kontrak, menyelaras urusan dengan pembekal atau kontraktor, menyediakan laporan perolehan serta melaksanakan arahan pihak pengurusan dari semasa ke semasa.

9. Calon mestilah mempunyai perwatakan yang menarik, mempunyai daya kesabaran yang tinggi.

10. Tarikh Iklan dikeluarkan : **29hb April 2026 (Rabu)**
Tarikh Tutup Permohonan : **07hb Mei 2026 (Khamis)**

11. **Peraturan Memohon**

- a) Borang permohonan jawatan boleh didapati di Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Dataran Pengkalan Rama, Pengkalan Rama Pantai, 75100 Melaka pada waktu pejabat dari jam 08.30 pagi hingga 05.00 petang.
- b) Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web di alamat **www.ppspm.gov.my**
- c) Borang yang telah siap diisi hendaklah dihantar kepada

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
PERBADANAN PEMBANGUNAN SUNGAI DAN PANTAI MELAKA,
DATARAN PENGKALAN RAMA,
PENGKALAN RAMA PANTAI
75100 MELAKA
(Permohonan Jawatan)**

12. **Peraturan-Peraturan Lain**

- a) Permohonan dianggap tidak berjaya jika tidak dihubungi dalam tempoh 3 bulan
- b) Permohonan hendaklah dimajukan kepada Ketua Jabatan masing-masing jika pemohon sedang berkhidmat dengan Kerajaan, Badan Berkanun Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan.
- c) Permohonan yang tidak lengkap atau tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan ditolak